

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH
 Tingkat 3, 9 & 10, Blok A, Wisma MUIS,
 Beg Berkunci 103, 88737 Kota Kinabalu
 Tel : 088-522222
 Fax : 088-239415

**BORANG PENYERTAAN MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN
 PERINGKAT SARINGAN / NEGERI SABAH**

TAHUN 1441 H / 2019 M

Peserta	:	<input type="checkbox"/>	Lelaki	<input type="checkbox"/>	Perempuan		
Kategori	:	<input type="checkbox"/>	1-10 Juzu'	<input type="checkbox"/>	1-20 Juzu'	<input type="checkbox"/>	1-30 Juzu'
Tahun	:	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>

1. Nama Peserta (Rumi) :

2. Nama Peserta (Jawi) : -----

3.* No.Kad Pengenalan : - -

4. Tarikh Lahir - -

5. Tempat Lahir :

6. Alamat Surat Menyurat :

7. Taraf Perkahwinan :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

8. Bekerja /Belajar :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

9.*Nama Bank /Cawangan :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

10. No Akaun Bank :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

11. Pengalaman Menyertai Pertandingan Menghafaz

11.1 Peringkat Negeri

Tahap Hafazan	Kedudukan	Wakil Daerah /Maahad	Tahun

11.2 Peringkat Kebangsaan

Tahap Hafazan	Kedudukan	Wakil Daerah /Maahad	Tahun

11.3 Peringkat Antarabangsa

Tahap Hafazan	Kedudukan	Wakil Daerah /Maahad	Tahun

12. Kelulusan Akademik :

UPSR

PMR

SPM

13.No Telefon Peserta :.....

No.Telefon Ibubapa/Penjaga :.....

14.PENGAKUAN PESERTA :

Saya mengaku bahawa kenyataan yang diberikan adalah benar dan memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan serta tidak menyertai Majlis Menghafaz Al Quran di negeri lain pada tahun ini.

Tarikh : Tandatangan Peserta :

15. PENGESAHAN KETUA JABATAN/PENGETUA/GURU BESAR/PENGERUSI QARIAH :

Saya mengesahkan bahawa peserta adalah kakitangan dari Jabatan / pelajar dari Sekolah / ahli Qariah * ini dan telah tinggal di negeri Sabah melebihi satu tahun.

Tarikh :

Tandatangan & Cop

.....

Ketua Jabatan/Pengetua/

***Satu Salinan kad pengenalan yang disahkan Benar**

*** Satu Salinan Buku Akaun Bank**



BORANG PENDAFTARAN PESERTA
MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT SARINGAN NEGERI SABAH
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH
Tingkat 3, 9 & 10, Blok A, Wisma MUIS
Beg Berkunci 103, 88737 Kota Kinabalu Sabah
Tel : 088-522222 Fax : 088-239415


Kategori : (Tandakan x)

1 10 Juz

1 20 Juz

1 30 Juz

UNTUK KEUNAAN URUS SETIA :
Telah diterima pada :



**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN
MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN
PERINGKAT SARINGAN / NEGERI SABAH
TAHUN 2019M / 1441H**

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN
PERINGKAT SARINGAN / NEGERI SABAH
TAHUN 2019 / 1441**

Kategori Pertama: 1 hingga 10 Juzuk dan Tarannum

1. Peserta Kategori Pertama hendaklah berumur tidak kurang dari 7 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tarikh Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Saringan / Negeri Tahun berkenaan.
2. Seseorang peserta yang pernah mendapat **Johan Kategori Pertama** atau pernah mengambil bahagian dalam kategori yang lebih tinggi adalah **TIDAK** dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini pada tahun-tahun berikutnya. Sekiranya tidak mendapat Johan, dia dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini hanya setakat tiga kali sahaja, tetapi dibenarkan mengambil bahagian bagi kategori yang lebih tinggi.

Kategori Kedua: 1 hingga 20 Juzuk

1. Peserta Kategori kedua hendaklah berumur tidak kurang 7 tahun dan tidak melebihi 25 pada tarikh Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Saringan / Negeri tahun berkenaan.
2. Peserta Kategori Kedua hendaklah belum pernah mengambil bahagian dalam Kategori ketiga pada tahun-tahun sebelumnya.
3. Peserta Kategori Kedua hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini sebanyak tiga kali sahaja (berturut-turut atau berselang) sama ada pernah mendapat Johan atau tidak, tetapi dibenarkan mengambil bahagian dalam Kategori Ketiga.

Kategori Ketiga: 1 hingga 30 Juzuk dan Tafsir

1. Peserta Kategori Ketiga hendaklah berumur tidak kurang dari 7 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tarikh Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Saringan / Negeri tahun berkenaan.
2. Setiap peserta dalam Kategori ketiga hanya dibenarkan menyertai Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Sebanyak tiga kali sahaja dan tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori Pertama dan Kedua.
3. Peserta yang telah menjadi Johan Kategori ketiga tidak dibenarkan menyandang Johan melebihi 2 kali.

SYARAT-SYARAT UMUM

1. Semua peserta hendaklah terdiri daripada **Warganegara Malaysia yang beragama Islam**.
2. Setiap Daerah / kawasan / Maahad hanya boleh mengemukakan **DUA ORANG PESERTA** sahaja (lelaki/perempuan atau lelaki/lelaki atau perempuan/perempuan) bagi setiap kategori. Peserta hendaklah merupakan anak kelahiran Negeri Sabah berdasarkan **Sijil Kelahiran/Kad Pengenalan**. Bagi permastautin, peserta hendaklah bermastautin di negeri/kawasan yang diwakilinya sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum majlis diadakan. Kelayakan peserta bermastautin hendaklah mengikut alamat terakhir yang tercatat dalam kad pengenalan atau kad tukar alamat. Bagi kakitangan kerajaan atau swasta hendaklah mendapat pengesahan daripada majikan, manakala bagi pelajar hendaklah mendapat pengesahan daripada ketua institusi pengajian berkenaan.
3. Peserta yang menyertai Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Saringan / Negeri melebihi satu negeri dalam tahun yang sama tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun berkenaan. Jika ia dapat dikesan maka penyertaannya terbatal.
4. Peserta perempuan yang menyertai Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Saringan /Negeri hendaklah dalam keadaan tidak uzur syar'i semasa ujian hafazan dijalankan ke atasnya. Peserta yang uzur boleh diganti dengan peserta simpanan bagi mewakili tempat berkenaan.
5. Setiap peserta lelaki hendaklah memakai **Pakaian Kebangsaan yang lengkap** dan kemas (bersongkok, bersamping, berbutang baju, berkasut dan bersarung kaki) semasa majlis berlangsung khususnya ketika mempersembahkan bacaan, Majlis Perasmian Pembukaan, dan Majlis Penutup dan Pengurniaan Hadiah.
6. Setiap peserta perempuan hendaklah memakai pakaian yang sesuai (menutup aurat) dan tidak dibenarkan menutup muka ketika mempersembahkan bacaan, Majlis Perasmian Pembukaan, dan Majlis Pentup dan Pengurniaan Hadiah.
7. Setiap peserta hendaklah mengisi borang penyertaan dengan lengkap dan menyerahkan kepada urus setia berserta satu salinan Kad Pengenalan, Salinan buku akaun, gambar ukuran passport dan kad tukar alamat atau pengesahan majikan/ketua institusi pengajian yang mana berkaitan.
8. Setiap Maahad / kawasan / Daerah yang menghantar peserta menyertai Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Saringan / Negeri dibenarkan membawa seorang pengiring lelaki dan seorang pengiring perempuan.
9. Peserta yang gagal memenuhi syarat-syarat di atas maka penyertaannya terbatal.

PENENTUAN PEMENANG

1. Kelayakan untuk menentukan peserta Johan atau Naib Johan dan Tempat Ketiga adalah berlandaskan kepada markah yang tertinggi.
2. Peserta yang tidak layak mencapai markah di atas tidak layak menyandang gelaran tersebut (Johan/Naib Johan/Ketiga) dan hanya layak mendapat saguhati penyertaan.
3. Pemenang yang mendapat markah yang sama akan dirujuk kepada markah Hafazan dan Lancar, Tajwid, Fasahah, Suara/Persembahan dan Lagu sekiranya markah masih sama akan diputuskan oleh Jemaah Hakim.

RINGKASAN PERJALANAN PROGRAM (MAJLIS HAFAZAN PERINGKAT NEGERI)

1. Iklan dan borang penyertaan akan diwar-warkan melalui media sosial (facebook, Instagram dll) dan platform komunikasi (whatsapp, telegram dll). Borang penyertaan juga boleh didapati di ibu pejabat Institut tahfiz al-Quran Negeri Sabah, Kinarut dan juga boleh dimuat turun melalui pautan yang diberikan di platform tertera di atas.
2. Sehari sebelum Majlis bermula peserta akan diminta hadir ke ITQAS Kinarut untuk mendengar taklimat dan membuat cabutan undian giliran serta undian soalan.

BAHAGIAN SOALAN

1. Pertandingan ini terbahagi kepada 3 kategori

TAHAP 1: Bermula Juzuk 1 hingga Juzuk 10

2 soalan hafazan dan 1 soalan tarannum (tidak kurang 2 lagu) setiap soalan hafazan.
2 minit dan soalan tarannum 4 minit.

TAHAP 2: Bermula Juzuk 1 hingga Juzuk 20

Bagi kategori ini 4 soalan hafazan akan dikemukakan kepada peserta. Setiap soalan 4 minit .

TAHAP 3 : Bermula Juzuk 1 hingga Juzuk 30

5 soalan hafazan setiap soalan 2 minit dan 2 soalan tafsir.

Soalan Tafsir bermula Juzuk 15 dengan menggunakan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Terbitan JAKIM.

BAHAGIAN HAKIM

1. Hakim *Fatih* akan mengemukakan soalan dan peserta dikehendaki memulakan bacaan mengikut arahan Hakim *Fatih* dan tempoh masa bacaan.
2. Hakim *Fatih* boleh menamatkan bacaan Ujian Hafazan pada bila-bila masa sahaja jika difikirkan perlu.